

PUTERA35 angkat martabat Bumiputera jadi lebih produktif

Pelan tingkat penyertaan dalam aktiviti R&D, inovasi dan tenaga kerja berkemahiran tinggi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Putrajaya: Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam menzahirkan komitmen kerajaan untuk mengangkat martabat Bumiputera agar sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

Bertemakan 'Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan (3P) Bumiputera', PuTERA35 bermatlamat mencipta nilai melalui pendekatan yang lebih produktif dan bersepadu bagi mendorong Bumiputera untuk terus berkembang maju.

Ia bakal memainkan peranan lebih signifikan dalam pembangunan sosioekonomi negara dan memiliki asas ketahanan yang kukuh dalam mendepani segala isu dan cabaran.

Kementerian Ekonomi berkata, PuTERA35 dijangka meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi serta sebagai tenaga kerja berkemahiran tinggi.

"PuTERA35 disokong oleh tiga Teras, 12 Pemacu dan 132 Ikhtiar yang komprehensif, berani dan berpandangan jauh. Dalam masa sama, ia lebih inklusif menjadi anjakan besar dalam membawa pembangunan Bumiputera ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau.

"Perincian program dan projek bagi setiap Ikhtiar, yang meliputi jangka masa pendek, sederhana dan panjang di bawah PuTERA35 akan disediakan oleh agensi pelaksana yang berkaitan dan diselenggarakan oleh kementerian yang dikenal pasti," katanya.

Menurut Kementerian Ekonomi, ketiga-tiga teras yang berbentuk struktural itu adalah asas penting kepada kemampuan sosioekonomi, keutuhan tatakelola dan institusi serta keadilan sosial.

Dalam Teras 1 untuk memperkukuh pasak ekonomi negara, sejumlah lima Pemacu dan 71 Ikhtiar telah dikenal pasti bagi memperkukuh teras ekonomi melalui penguasaan ekonomi, peningkatan daya saing dan penskalaan,

pembangunan bakat dan pemeraksanaan ekosistem pendidikan, penciptaan kekayaan dan peningkatan pemilikan ekuiti.

"Setiap pemacu ini dilengkapi dengan ikhtiar dan pelan tindakan yang komprehensif bagi menangani isu dan cabaran utama yang telah dikenal pasti.

"Pemacu ini berupaya memberikan sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara dan mempertingkatkan daya saing perusahaan Bumiputera pada peringkat global serta memperkukuh penciptaan kekayaan," katanya.

Bagi Teras 2 untuk memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi pula, sejumlah tiga Pemacu dan 20 Ikhtiar dikenal pasti dalam memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi melalui penyampaian perkhidmatan dan tatakelola; penyertaan syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC); serta penghayatan dan falsafah Bumiputera.

"Pemacu ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh kerjasama dan keharmonian dalam kalangan semua pihak untuk memastikan keseluruhan ekosistem perniagaan dimanfaatkan bagi menyokong pelaksanaan agenda Bumiputera," kata Kementerian Ekonomi.

Dalam Teras 3 untuk menegakkan keadilan sosial, empat Pemacu dan 41 Ikhtiar dikenal pasti melalui usaha membasmi kemiskinan tegar, memperkukuh sistem perlindungan sosial, membangunkan sosioekonomi Orang Asli dan memperkukuh pembangunan Sabah dan Sarawak.

Rapatkan jurang ekonomi

Pemacu terbabit memberi tumpuan untuk mengukuhkan pembangunan wilayah yang lebih seimbang, merapatkan jurang ekonomi dan infrastruktur serta mencapai matlamat pendekatan baharu dalam agenda Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif.

Langkah strategik melalui PuTERA35 turut membabitkan GLC, GLIC dan syarikat swasta bukan sahaja mampu memberi manfaat langsung kepada negara dan Bumiputera, malah kumpulan minoriti bukan Bumiputera yang memerlukan tanpa mengingirkan mana-mana pihak.

"Pelaksanaan PuTERA35 memerlukan jangka masa yang berbeza, merentas tempoh 10 tahun sehingga 2035.

"Mengambil kira trend mega yang dijangka mempengaruhi dunia dan masyarakat pada masa

Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera (PuTERA35)

Visi: Mengangkat Darjat dan Martabat Bumiputera			
TEMA	Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna		
TERAS	TERAS 1 MEMPERKUKUH PASAK EKONOMI NEGARA	TERAS 2 MEMPERTEGUH KERUKUNAN TATAKELOLA DAN INSTITUSI	TERAS 3 MENEGAKKAN KEADILAN SOSIAL
PEMACU	Penguasaan Ekonomi	Penyampaian Perkhidmatan & Tatakelola	Pembasmian Kemiskinan Tegar
	Peningkatan Daya Saing & Penskalaan	Penyertaan Syarikat Swasta, GLC dan GLIC	Penguatan Sistem Perlindungan Sosial
	Pembangunan Bakat & Pemeraksanaan Ekosistem Pendidikan	Penghayatan Falsafah Bumiputera	Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli
	Penciptaan Kekayaan		Penguatan Pembangunan Sabah dan Sarawak ke arah Keseimbangan Wilayah
	Peningkatan Pemilikan Ekuiti		
IKHTIAR	71	20	41
PuTERA35	PuTERA35 bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera selari dengan aspirasi Ekonomi MADANI		

hadapan, pelan transformasi ini dibangunkan bagi membuka ruang dan peluang kepada Bumiputera untuk memanfaatkan sektor dan industri yang diberi tumpuan oleh kerajaan, terutama industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV) dan berasaskan teknologi termaju.

"Tiga matlamat utama pelaksanaan PuTERA35 adalah membangunkan Bumiputera yang dinamik dan futuristik serta mampu mendepani isu dan cabaran semasa dan yang akan datang; menetapkan sasaran lebih jelas bagi pengukuran tahap penyertaan, pemilikan dan penguasaan ekonomi Bumiputera yang lebih bermakna dan membangunkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan melalui penetapan pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan setiap ikhtiar," katanya.

Pelaksanaan PuTERA35 akan dipantau sepenuhnya oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Peranan Unit Pemeraksanaan Agenda Bumiputera (UPAB) di semua kementerian juga akan diperkasa dan diberi tanggungjawab untuk membuat pelaksanaan dan pemantauan Ikhtiar secara rapi pada peringkat kementerian dan agensi.

Sasaran Ekonomi MADANI - Asas kepada PuTERA35



Ekonomi MADANI Pengukuran baharu bagi Bumiputera di bawah PuTERA35 dicadangkan dan dibangunkan selaras dengan sasaran berdasarkan Kerangka Ekonomi MADANI dan Kajian Separuh Penggal RMKe-12.